



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

MAJLIS APRESIASI
PEJABAT TANAH DAN GALIAN PUTRAJAYA

26 OKTOBER 2024

HOTEL MERCURE
SHAFTSBURY PUTRAJAYA

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam majlis apresiasi yang julung-julung kali diadakan bagi mengiktiraf inisiatif pematuhan cukai daripada GLC dan para pemain industri di Putrajaya.
2. Pada hari ini juga, saya difahamkan selain daripada program ini, terdapat 2 lagi program yang dijalankan secara serentak iaitu Mini Karnival dan juga Taklimat Literasi Strata yang dibuka kepada orang ramai.

3. Tahniah saya ucapkan kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan atas penganjuran karnival seperti ini yang sudah pasti akan memberi pendedahan terkait ilmu hartanah kepada penduduk di Putrajaya agar menjadi komuniti yang celik hartanah seiring dengan perkembangan industri harta tanah yang semakin dinamik pada masa kini.

4. Ini adalah antara acara penting di mana kita membawa perkhidmatan kita terus kepada rakyat. Program *out reach* seperti ini patut diberikan pujian. Seperti yang saya pernah sebut sebelum ini, sebagai pemberi perkhidmatan kepada rakyat, kita tidak boleh selesa untuk duduk di kerusi empuk semata-mata dan bergerak sebagai *business as usual*, menunggu pelanggan datang ke pejabat dan bersifat reaktif terhadap isu-isu yang di adu sahaja. Perkhidmatan kepada rakyat perlu lebih daripada itu.

HASIL KUTIPAN CUKAI PTG PUTRAJAYA

Para hadirin sekalian,

5. Untuk makluman semua, tinjauan keseluruhan hasil tanah kepada negara melalui Pejabat Tanah dan Galian Putrajaya bagi tiga tahun terkebelakang adalah berjumlah RM 37.2 juta di mana purata tahunan yang diterima adalah sebanyak RM 12.2 juta setahun.

6. Saya dimaklumkan, tahun ini, Putrajaya telah pun berjaya mencapai sasaran 100% kutipan cukai seawal bulan Ogos lagi.

7. Tahniah kepada seluruh warga Putrajaya kerana menjalankan tanggungjawab yang baik sebagai rakyat Malaysia dengan membayar cukai dengan penuh amanah.

8. Sebentar lagi, saya akan sampaikan sijil penghargaan kepada 10 penyumbang cukai tanah terbesar di Putrajaya, dan saya sebutkan di sini Top 3 nya adalah Putrajaya Holdings, TNB dan juga Perbadanan Putrajaya. Berikan tepukan kepada mereka.

INOVASI DALAM PERKHIDMATAN PPTGWP

Para hadirin sekalian,

9. Sebelum-sebelum ini, kita pernah dengar cerita, kalau nak datang ke PTG ni kena beratur awal-awal pagi. Yang lebih menarik, ada juga yang kata boleh gunakan batu sebagai tanda, dah dikira berada dalam barisan. Saya harap perkara seperti ini tidak berlaku di mana-mana pejabat PTG di Wilayah Persekutuan, baik di Kuala Lumpur, Putrajaya ataupun Labuan.

10. Dunia kini telah maju dan terkehadapan. Justeru, saya sambut baik inovasi-inovasi PPTGWP yang kini berada *in the pipeline* seperti yang disebutkan oleh Puan Rahilah sebentar tadi seperti aplikasi *direct debit*, *installment payment plan* dan *self-kiosk* yang akan memudahkan lagi perkhidmatan disampaikan kepada rakyat selaras agenda transformasi sektor awam.

11. Lebih baik lagi, jika kita dapat *explore* teknologi yang membolehkan perkhidmatan ini dilaksanakan sepenuhnya dalam talian, walaupun saya faham, urusan tanah ini sangat terikat dengan proses yang telah tertulis dalam Kanun Tanah Negara.

12. Ini juga akan menyokong salah satu elemen dalam Bandar CHASE, iaitu *Advanced City*. Sudah pasti ini adalah perkara yang boleh diintegrasikan dalam pembangunan mampan yang ingin kita capai melalui visi Bandar CHASE ini.

13. Komitmen dalam memastikan kualiti penyampaian ini dipertingkat adalah ikrar kita semua untuk memastikan segala tindakan yang kita laksanakan pada hari ini, termasuk setiap dasar dan projek pembangunan, akan menyumbang secara positif kepada kesejahteraan generasi akan datang.

PPTGWP PERLU LIHAT KEPERLUAN PERKENAL CUKAI PETAK MENGGANTIKAN CUKAI TANAH

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

14. Sistem percukaian ini perlu melalui satu anjakan yang positif kerana kepesatan pertumbuhan ekonomi dan kecekapan pentadbiran negara bertitik tolak daripada sistem percukaian yang berkesan dan adil.

15. Sehubungan itu, saya lihat ada keperluan untuk PPTGWP melihat potensi dalam mengikut jejak langkah Kuala Lumpur dengan mengenakan cukai petak bagi menggantikan cukai tanah, di mana saya lihat, pelaksanaan ini sebagai mekanisme pembetulan dan rasionalisasi kepada pengenaan cukai pembangunan strata yang lebih telus, sistematik dan adil berdasarkan kegunaan dan luas petak yang dimiliki. Di Kuala Lumpur, kita telah laksanakan sejak tahun 2020 lagi.

16. Dari simulasi yang kita telah laksanakan, kira-kira 89% daripada pemilik strata kediaman dan 85% daripada pemilik strata perniagaan di Putrajaya akan menerima manfaat penurunan kadar cukai, jika cukai petak ini dilaksanakan kelak.

17. Sehubungan itu, saya minta PPTGWP untuk laksanakan kajian bersepadu bagi melihat kepentingan pelaksanaan perkara ini.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

18. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan karnival dan majlis apresiasi ini. Teruskan memberi ilmu kepada komuniti supaya kita dapat melahirkan lebih ramai lagi warga Putrajaya yang celik dan bijak dalam hartanah.

19. Tahniah dan terima kasih juga saya ucapkan kepada para pembayar cukai di Putrajaya atas komitmen yang diberikan sepanjang tahun ini.

20. Dengan kerjasama erat dari semua, termasuk tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini, insya-Allah, saya yakin kita dapat sama-sama menjadikan Putrajaya sebagai sebuah bandar raya pentadbiran berkelas dunia.

21. Dengan lafaz Bismillahirrahanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Apresiasi Pejabat Tanah dan Galian Putrajaya.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.